

Terjun berkampung di Guangzhou sebelum Sukan SEA

KUALA LUMPUR - Skuad terjun akan berkampung ke Guangzhou, China hujung bulan ini bagi menjalani latihan persiapan terakhir sebelum bertandang ke Sukan SEA Myanmar, Disember.

Jurulatih terjun negara, Yang Zhuliang berkata, seramai 11 penerjun negara yang akan beraksi pada Sukan SEA hujung tahun ini akan dibawa ke Guangzhou Sports Institute bagi mencari tonik terbaik untuk meraih sasaran pingat emas.

"Keutamaan semasa berada di sana nanti adalah untuk memastikan kesemua 11 penerjun tersebut memperolehi sentuhan berbisa yang diharapkan bagi mempersempahkan aksi terbaik ketika di Myanmar.

"Bukan itu sahaja, saya juga ingin mencuri peluang ini untuk memastikan atlet-atlet pelapis memiliki persiapan yang paling maksimum.

"Tarikh dan bilangan hari untuk berada di Guangzhou tidak pasti lagi kerana perlu tunggu kelulusan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) tetapi yang pastinya adalah hujung bulan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* semasa sesi latihan atlet terjun negara di Dry

Gym, Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Sebelas penerjun yang akan dihantar ke temasya Sukan SEA, Disember ini didahului pemenang pingat gangsa Olimpik, Pandelela

Renong, Leong Mun Yee, Cheong Jun Hoong, Wendy Ng Yee, Nur Dhabitah Sabri, Loh Zhiayi.

Mendahului senarai penerjun lelaki pula ialah Ooi Tze Liang, Muhd. Amsyar Azman, Chew Yi Wei, Danial Sabri dan Muhd. Nazreen Abdullah.

Sementara itu, ratu terjun negara, Pandelela dan Mun Yee pula berkata, kesibukan menjalani latihan padat ke Sukan SEA hujung tahun ini tidak akan menjelaskan tumpuan mereka sebagai pelajar di universiti masing-masing.

"Memang sedikit lelah, tetapi pengorbanan ini akan berbaloi sekiranya dapat menyumbangkan pingat emas untuk negara nanti," kata

Mun Yee yang merupakan penerjun wanita negara paling senior akan ke Sukan SEA.

Mun Yee merupakan pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) manakala Pandelela pula di Universiti Malaya (UM).



PANDELELA RENONG



LEONG MUN YEE